

**AMALAN REFLEKTIF GURU, PENGURUSAN
SEKOLAH DAN KOMPETENSI BAHASA GURU
DALAM PENGAJARAN MENGGUNAKAN
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK**



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
ONG POH SUAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : AMALAN REFLEKTIF GURU, PENGURUSAN SEKOLAH DAN KOMPETENSI BAHASA GURU DALAM PENGAJARAN MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA ONG POH SUAN SESSI PENGAJIAN : JUN 2006 – JUN 2008

mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (✓)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



TANDATANGAN PENULIS



ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap :

(Penyelia : PROF. MADYA DR. SALLEH ABDUL RASHID)

Tarikh: 12 Jun 2008

Tarikh : _____

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**AMALAN REFLEKTIF GURU, PENGURUSAN
SEKOLAH DAN KOMPETENSI BAHASA GURU
DALAM PENGAJARAN MENGGUNAKAN
BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK**

ONG POH SUAN



UMS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ONG POH SUAN
PS05 – 006(K) – 090
JUN 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada individu-individu di atas kerjasama dan jasa yang telah diberikan dalam kajian penyelidikan ini. Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Cik Zanariah binti Ahmad, Pemangku Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia yang membenarkan kajian ini dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah teknik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden dan pengetua sekolah menengah teknik khususnya, SMT Keningau, SMT Kudat, SMT Labuan, SMT Likas, SMT Lahad Datu dan SMT Tawau yang telah memberi sokongan padu dan melibatkan diri dengan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga adalah ditujukan juga kepada guru-guru Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah-sekolah menengah teknik yang terlibat kerana jasa mereka dalam mentadbirkan soal selidik kajian ini di sekolah masing-masing.

Kerjasama pegawai-pegawai dari Bahagian Latihan & Kemajuan Staf, serta Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional dari Jabatan Pendidikan Teknikal, dan Pejabat Pelajaran Gabungan Sandakan dalam memberikan maklumat kursus dan latihan pendedahan ETTEcs (English for the Teaching of Technical Subjects) kepada guru-guru mata pelajaran Teknikal serta EteMS (English for the Teaching of Science and Mathematics) amat dihargai.

Khas buat penyelia penyelidikan ini, Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, dan pensyarah pembimbing saya semester lalu, Dr. Sabariah Sharif, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan.

Akhir sekali, tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan dan ahli keluarga yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian penyelidikan ini berjalan.

ABSTRAK

Semua sekolah menengah teknik di seluruh negara telah melaksanakan program PPSMTI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik dan **Teknikal** dalam Bahasa Inggeris) mulai tahun 2006. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap amalan reflektif mereka dan amalan pihak pengurusan sekolah dan hubungannya dengan kompetensi berbahasa Inggeris guru ke arah pelaksanaan dasar, matlamat, dan mekanisme program PPSMTI. Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru PPSMTI ($n = 131$) di enam buah sekolah menengah teknik di Sabah dan W.P. Labuan. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* untuk amalan reflektif guru, kompetensi berbahasa Inggeris guru dan amalan pihak pengurusan sekolah adalah memuaskan pada .884, .913 dan .967 masing-masing. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) serta statistik inferensi (ANOVA sehalu, Korelasi Pearson 'r' dan regresi linear). Data kajian diproses menggunakan *SPSS versi 15.0*. Dapatan utama kajian menunjukkan wujud perbezaan min yang signifikan antara kumpulan yang telah menghadiri ETtecS dengan yang tidak pernah menghadiri mana-mana kursus ($F=6.065$, $p < .05$). Terdapat juga hubungan positif yang signifikan di antara amalan reflektif guru dengan kompetensi berbahasa Inggeris ($F=.507$, $p < .05$). Amalan reflektif guru mempengaruhi kompetensi guru PPSMTI [$F(1,129) = 44.641$, $R^2 = .257$, $p < .05$]. Secara keseluruhannya, amalan reflektif guru mempengaruhi kompetensi berbahasa Inggeris guru PPSMTI tetapi masih tidak ada hubungan yang signifikan antara amalan pihak pengurusan sekolah dengan kompetensi berbahasa Inggeris dalam kalangan guru-guru PPSMTI yang dikaji.

ABSTRACT

REFLECTIVE PRACTICES, SCHOOL MANAGEMENT AND LANGUAGE COMPETENCIES OF TEACHERS IN USING ENGLISH AS A MEDIUM OF INSTRUCTION

The secondary technical schools in the nation have moved forward in implementing the teaching and learning of Science, Mathematics and Technical Subjects in English since 2006. The aim of this research is to identify the perceptions of teachers as to their own reflective practices and school management practices in relation to their language competencies when using English as a medium of instruction in line with the government aims and policies. This study was conducted with a sampel of Science, Mathematics and Technical teachers ($n = 137$) at six technical schools in Sabah and F.T. Labuan. The Cronbach Alpha reliability index for reflective practices, language competencies and school management practices measured in the questionnaire is .884, .913 and .967 respectively. Descriptive statistics (percentage, mean and standard deviation) and inferential statistics (One-Way ANOVA, Pearson 'r' correlation and linear regression) were used to analyse the data obtained using the SPSS Version 15.0 for Windows. The main findings of the study show a significant difference in the means of teachers who attended ETTecS and those who did not attend any language preparatory courses in terms of their language competencies ($F=6.065$, $p < .05$). The study also shows a significant positive correlation between reflective practices and the language competencies of PPSMTI teachers ($F=.507$, $p < .05$). Reflective practices of teachers also played a role in influencing their language competencies [$F(1,129) = 44.641$, $R^2 = .257$, $p < .05$]. It can be summarized from this study that while reflective practices influences the language competencies of PPSMTI teachers, there is no significant relationship between school management practices and the language competencies of those teachers concerned.

SENARAI SINGKATAN

BKTV	Bahagian Kurikulum Teknikal & Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknikal
<i>ELS</i>	<i>English as a Second Language</i> (Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua)
<i>ETeMS</i>	<i>English for the Teaching of Science and Mathematics</i>
<i>ETecS</i>	<i>English for the Teaching of Technical Subjects</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communication Technology</i>
JPTek	Jabatan Pendidikan Teknikal
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris
PPSMTI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik & Teknikal dalam Bahasa Inggeris
<i>R & D</i>	<i>Research and Development</i> (Penyelidikan & Pembangunan)
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPP	Surat Pekeliling Perkhidmatan
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Programme for Social Sciences</i>

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Tajuk	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Senarai Singkatan	vi
Kandungan	vii
Senarai Rajah	xiii
Senarai Jadual	xiv
	
BAB 1 : Pendahuluan	
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 3
1.3	Pernyataan Masalah 8
1.4	Soalan Kajian 9
1.5	Tujuan Kajian 11
1.6	Objektif Kajian 11
1.7	Hipotesis Kajian 12
1.8	Definisi Operational 13
1.8.1	Mata Pelajaran Teknikal 13
1.8.2	Mata Pelajaran Sains dan Matematik 14

1.8.3	Pihak Pengurusan Sekolah	14
1.8.4	Amalan Pihak Pengurusan Sekolah	14
1.8.5	Kompetensi	15
1.9	Kesignifikanan Kajian	15
1.10	Limitasi Kajian	18
1.11	Penutup	19
BAB 2 : Kajian Literatur		21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Definisi Konsep	22
2.2.1	Amalan Reflektif	22
2.2.2	Kursus <i>English Language Proficiency</i>	24
2.2.3	Pengurusan Sekolah	25
2.2.4	Kompetensi Berbahasa Inggeris	27
2.3	Teori Kajian	29
2.3.1	<i>Theory of Language Acquisition</i>	29
2.3.2	Teori Perolehan Bahasa Kedua Krashen	30
2.3.3	Teori Perubahan	33
2.3.4	Interaksi Bilik Darjah	34
2.3.5	Penggunaan Bahasa Inggeris oleh Guru dan Pelajar di Bilik Darjah	35
2.4	Kajian Lepas	36
2.4.1	Kajian Terhadap Amalan Reflektif	36
2.4.2	Kajian Kompetensi Guru-Guru Dalam Pengajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris Di Sekolah Menengah Malaysia	37

2.5	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.6	Penutup	42
BAB 3 : Metodologi Kajian		43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Tempat Kajian	44
3.4	Subjek Kajian	45
3.5	Instrumentasi	46
3.5.1	Maklumat Am	47
3.5.2	Amalan Reflektif & Kompetensi Guru	48
3.5.3	Pengurusan Sekolah	48
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	51
3.7	Kajian Rintis	51
3.8	Prosedur Kajian	53
3.9	Penganalisan Data Statistik	55
3.9.1	Statistik Deskriptif	56
3.9.2	Statistik Inferensi	57
3.9.2.1	Ujian ANOVA	57
3.9.2.2	Ujian Korelasi Pearson 'r'	59
3.9.2.3	Ujian Regresi Pelbagai	60
3.10	Penutup	64

BAB 4 : Dapatan Kajian	66
4.1 Pengenalan	66
4.2 Ciri-Ciri Demografi Responden	67
4.2.1 Pengalaman Mengajar	68
4.2.2 Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Awam – SPM/ MCE/ SC/ setarafnya	69
4.2.3 Kursus <i>English Language Proficiency</i> Dihadiri	70
4.2.4 Mata Pelajaran Utama Yang Diajar	71
4.3 Ujian Normaliti	73
4.4 Perbandingan Kompetensi Berbahasa Inggeris Responden Dengan Ciri Demografi	75
4.4.1 Perbandingan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dengan Ciri Demografi Latihan <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri	75
4.4.2 Perbandingan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dengan Ciri Demografi Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC/ yang setarafnya	77
4.5 Perbandingan Amalan Reflektif Guru Dengan Ciri Demografi	79
4.5.1 Perbandingan Amalan Reflektif Guru Dengan Ciri Demografi Latihan <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri	80
4.5.2 Perbandingan Amalan Reflektif Guru Dengan Ciri Demografi Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC/ yang setarafnya	81
4.5.3 Perbandingan Amalan Reflektif Guru Dengan Ciri Demografi Pengalaman Mengajar	82
4.6 Perbandingan Persepsi Guru Terhadap Amalan Reflektif, Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru dan Amalan Pihak Pengurusan Sekolah	82
4.7 Hubungan Antara Amalan Reflektif Guru Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris	83

4.7.1	Hubungan Antara Amalan Reflektif Guru Dengan Kompetensi Membaca dan Membuat Rujukan Dalam Bahasa Inggeris	84
4.7.2	Hubungan Antara Amalan Reflektif Guru Dengan Kompetensi Menulis Dalam Bahasa Inggeris	84
4.7.3	Hubungan Antara Amalan Reflektif Guru Dengan Kompetensi Mendengar dan Bertutur Dalam Bahasa Inggeris	84
4.8	Hubungan Antara Amalan Pihak Pengurusan Sekolah Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	85
4.8.1	Hubungan Antara Aspek Motivasi Oleh Pihak Pengurusan Sekolah Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	86
4.8.2	Hubungan Antara Aspek Kepimpinan Instruksional Oleh Pihak Pengurusan Sekolah Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	86
4.8.1	Hubungan Antara Aspek Perkembangan Profesionalisme Staf Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	86
4.9	Pengaruh Amalan Reflektif Terhadap Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	87
4.10	Faktor Amalan Pihak Pengurusan Sekolah Yang Menjadi Peramal Terbaik Yang Menyumbang Kepada Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	89
4.11	Dapatan Kajian Berasaskan Soalan Kajian dan Hipotesis	91
4.12	Penutup	96
BAB 5	: Rumusan, Perbincangan Dan Cadangan	97
5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan	97
5.3	Perbincangan Implikasi Dapatan Kajian	100
5.3.1	Perbandingan Kompetensi Berbahasa Inggeris Responden Berdasarkan Ciri Demografi	101

5.3.2	Perbandingan Amalan Reflektif Guru Berdasarkan Ciri Demografi	102
5.3.3	Hubungan Antara Amalan Reflektif Guru Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	103
5.3.4	Hubungan Antara Amalan Pihak Pengurusan Sekolah Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru	104
5.4	Cadangan	107
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	112
5.6	Kesimpulan	115
Bibliografi		118
Lampiran		124
Lampiran A	: Soal Selidik Kajian	
Lampiran B	: Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah

MUKA SURAT

2.1 : Kerangka Kajian Amalan Reflektif Guru, Pengurusan Sekolah dan Kompetensi Bahasa Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris 41

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual	MUKA SURAT
3.1 (a) : Instrumen Pelaksanaan Amalan Refleksif Guru, Pengurusan Sekolah Dan Kompetensi Bahasa Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris – Bahagian A	49
3.1 (b) : Instrumen Pelaksanaan Amalan Refleksif Guru, Pengurusan Sekolah Dan Kompetensi Bahasa Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris – Bahagian B dan Bahagian C	50
3.2 : Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Pelaksanaan	52
3.3 : Carta Gantt Tindakan (Tahun 2008)	54
3.4 : Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	59
3.5 : Alat Statistik Yang Digunakan Mengikut Skala Pengukuran	62
4.1 : Taburan Pengagihan Soal Selidik	67
4.2 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	68
4.3 : Ujian Normaliti Ke Atas Taburan Respoden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	69
4.4 : Taburan Responden Mengikut Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC atau yang setarafnya	70
4.5 : Taburan Responden Mengikut Kursus <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri	71
4.6 : Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Utama Yang Diajar	71
4.7 : Ujian Normaliti Ke Atas Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru dan Kursus Profisiensi Bahasa Inggeris Yang Telah Dihadiri	74
4.8 : Ujian Normaliti Ke Atas Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru dan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC atau yang setarafnya	74
4.9 : Ujian Normaliti Ke Atas Amalan Reflektif Guru dan Amalan Pihak Pengurusan Sekolah	75

4.10	:	Perbezaan Antara Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI Terhadap Ciri Demografi Latihan <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri	76
4.11	:	Perbezaan Antara Latihan <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri Dengan Variabel Tetap Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru PPSMTI	77
4.12	:	Perbezaan Antara Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI Terhadap Ciri Demografi Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC atau yang setarafnya	78
4.13	:	Perbezaan Antara Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC atau yang setarafnya Dengan Variabel Tetap Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru PPSMTI	79
4.14	:	Perbezaan Antara Amalan Reflektif Guru PPSMTI Terhadap Ciri Demografi Latihan <i>English Language Proficiency</i> Yang Telah Dihadiri	80
4.15	:	Perbezaan Antara Amalan Reflektif Dalam Kalangan Guru PPSMTI Terhadap Ciri Demografi Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris di Peperiksaan SPM/ MCE/ SC atau yang setarafnya	81
4.16	:	Perbezaan Antara Amalan Reflektif Dalam Kalangan Guru PPSMTI Terhadap Ciri Demografi Pengalaman Mengajar	82
4.17	:	Perbandingan Persepsi Guru Terhadap Amalan Reflektif, Kompetensi Berbahasa Inggeris Guru dan Amalan Pihak Pengurusan Sekolah	83
4.18	:	Perhubungan Antara Amalan Reflektif Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI	85
4.19	:	Perhubungan Antara Amalan Pengurusan Sekolah Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI	87
4.20	:	Perhubungan Antara Amalan Reflektif Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI – ANOVA (b)	88
4.21	:	Perhubungan Antara Amalan Reflektif Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI – Koefisien (a)	89

4.22 : Perhubungan Antara Amalan Reflektif Dengan Kompetensi Berbahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru PPSMTI – Ringkasan Model 89

4.23 : Rumusan Keputusan Ujian Keseluruhan Kajian Amalan Reflektif Guru, Pengurusan Sekolah dan Kompetensi Bahasa Guru Yang Mengajar Dalam Bahasa Inggeris Di Sekolah Menengah Teknik 91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Majlis Gerakan Negara telah menggubal **Rukun Negara** dalam tahun 1970 untuk dihayati oleh semua rakyat Malaysia. Rukun Negara telah menggariskan hasrat dan prinsip pembentukan negara bangsa di masa hadapan. Hasrat Kelima dalam Rukun Negara yang hendak dicapai oleh negara Malaysia adalah untuk membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Wawasan 2020 dalam tahun 1991 pula telah menzahirkan hasrat negara kita Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan "acuannya sendiri". Wawasan 2020 telah menentukan sembilan objektif yang hendak dicapai yang dikenali sebagai Sembilan Cabaran Utama. Cabaran Wawasan 2020 yang keenam memperkukuhkan dan menambahnilai serta memperjelaskan lagi Hasrat Kelima Rukun Negara, iaitu :

"... mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan. "

(Sumber : Perspektif Wawasan 2020 (m/s 3 – 4), Pejabat Perdana Menteri)

Wawasan 2020 yang diwarwarkan oleh YAB Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1991, telah menggariskan hasrat negara untuk menjadi negara maju dengan ciri-ciri tersendiri. Kemajuan yang hendak dicapai adalah bersifat holistik, merangkumi kesemua sembilan cabaran yang merangkumi bidang politik, ekonomi, sosial dan kerohanian.

Dalam sela dua puluh tahun sejak daripada era Rukun Negara pada tahun 1970 lagi sehingga ke Wawasan 2020 dalam tahun 1991, kemajuan sains dan teknologi telah diambilkira sebagai agenda utama dalam menentukan hala tuju pembangunan negara oleh kedua-dua orang Perdana Menteri Malaysia.

Kesinambungan dari ini, dan bagi merealisasikan Wawasan 2020, pada 31 MAC 2006 (25 tahun selepas Wawasan 2020), YAB Dato' Seri Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia telah mewarwarkan **Misi Nasional** semasa melancarkan Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9). Misi Nasional merupakan satu rangka kerja bagi agenda pembangunan negara yang menggariskan langkah-langkah utama yang harus diambil bagi tempoh lima belas tahun akan datang, iaitu menjelang tahun 2020.

Adalah menjadi hasrat kerajaan supaya membina tamadun negara seiring dengan tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain selaras dengan pendekatan Islam Hadhari di mana kemajuan dapat dinikmati semua lapisan masyarakat secara saksama tanpa mengira batasan lokasi, kaum dan agama. Maka, Misi Nasional yang diwarwarkan itu akan menumpukan usaha negara kepada bidang-bidang utama yang akan membawa kepada pencapaian Wawasan 2020 berikut:

- Meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global,
- Membangunkan modal insan,
- Memperkukuhkan integrasi nasional,
- Meningkatkan mutu hidup rakyat, dan
- Meningkatkan keupayaan pelaksanaan negara.

Pelaksanaan PPSMI adalah selaras dengan Misi Nasional Pertama untuk membolehkan dan mengupayakan negara untuk bersaing di peringkat global.

Dalam dunia hari ini, Sains dan Matematik adalah bidang ilmu yang sangat penting, dinamik dengan pelbagai inovasi dan penemuan baru berlaku hampir setiap hari melalui penyelidikan dan pembangunan (R & D). Bidang ini merupakan asas penting kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Selaras dengan semua hasrat di dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Misi Nasional, pembangunan Sains dan Teknologi adalah agenda utama negara. Keputusan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik telah diambil berasaskan bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa ilmu dan bahasa perhubungan antarabangsa. Penguasaan yang baik dalam bahasa Inggeris membolehkan seseorang itu mendapat akses kepada maklumat terkini. Walaupun mata pelajaran Bahasa Inggeris telah dipelajari selama 11 tahun oleh semua pelajar, namun prestasi bahasa ini didapati masih belum memuaskan.

Sebahagian besar daripada maklumat terkini mengenai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta maklumat berhubung R & D sama ada dalam bentuk elektronik atau bukan elektronik terdapat dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, pendedahan yang awal kepada Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan memberi peluang kepada pelajar memperolehi maklumat ini di samping menambah masa kontak terhadap bahasa Inggeris.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Keputusan melaksanakan PPSMI telah diambil oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 MEI 2002. Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah memutuskan supaya pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)

dijalankan secara serentak di semua tahap persekolahan dan tidak secara berperingkat-peringkat seperti lazimnya mulai Tahun Satu kerana ia akan mengambil masa yang lama, iaitu 11 tahun sebelum sesuatu inovasi dan perubahan kurikulum dapat dilakukan.

Jemaah Menteri juga telah mengambil maklum bahawa dasar menggunakan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik adalah perubahan besar yang melibatkan peningkatan kemahiran dan keyakinan guru serta murid yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PPSMI.

Seterusnya, Kementerian Pelajaran juga telah mengambil ketetapan bahawa mata pelajaran yang tergolong sebagai mata pelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah, menengah, lepasan menengah, matrikulasi dan politeknik merangkumi semua mata pelajaran Sains dan Sains Tulen, iaitu Fizik, Kimia, dan Biologi; semua mata pelajaran **Pengajian Kejuruteraan**, Teknologi, Teknologi Maklumat, Pengkomputeran dan Sains Informatik yang akan terlibat dalam PPSMI mulai Tahun 2003 secara beransur-ansur, sehingga pelaksanaan sepenuhnya tercapai pada Tahun 2008.

Dengan ketetapan yang telah diperolehi, maka Jabatan Pendidikan Teknikal telah membentuk Jawatkuasa Induk PPSMTI melalui Bahagian Kurikulum Teknikal & Vokasional (BKTV) untuk menggerakkan program-program sokongan untuk melengkapkan guru-guru yang akan mengajar mata pelajaran teknikal tersebut dalam Bahasa Inggeris.

Wujud perbezaan implimentasi PPSMI dengan PPSMTI kerana sementara kursus EteMS dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri untuk mempertingkatkan profisiensi guru dalam melaksanakan pengajaran dan

pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, pihak BKTV pula menjalankan kursus ETTeCS untuk membantu guru-guru mata pelajaran teknikal untuk mempertingkatkan profisiensi mereka supaya lebih efektif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris.

Jemaah Menteri telah mengambil maklum isu bahawa dasar menggunakan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik adalah **perubahan besar yang melibatkan peningkatan kemahiran dan keyakinan guru** serta murid yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PPSMI.

Dalam menggalakkan guru-guru supaya mempertingkatkan kemahiran mereka untuk mengajar mata pelajaran Sains, Matematik dan Teknikal dalam Bahasa Inggeris dengan efektif demi merealisasikan hasrat negara, guru-guru mata pelajaran tersebut telah diberi bayaran insentif sebanyak 5% – 10% daripada gaji pokok mereka bergantung kepada kelulusan dan gred jawatan mereka melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan – SPP Bil. 15 Tahun 2002; SPP Bil. 1 Tahun 2003; dan SPP Bil. 3 Tahun 2003.

Walaupun pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris sejak tahun 2003, pelajar-pelajar Tingkatan 3 – yang telah mengikuti proses P&P dalam Bahasa Inggeris di Tingkatan 1, 2 dan 3 – dengan rasminya menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai tahun 2005. Tetapi dalam Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Malaysia (SPPP) Bil.4/2003 – *Peperiksaan UPSR/ PMR/ SPM 2003 Dwi Bahasa Untuk Mata Pelajaran Matematik Dan Sains* – yang dikeluarkan pada Januari 2003, Lembaga Peperiksaan Malaysia telah menetapkan yang kertas

soalan PMR tersebut disediakan dalam dwi bahasa : Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Pelajar juga dibenarkan menjawab dalam mana-mana bahasa tersebut sehingga implementasi lengkap berkuatkuasa dalam tahun 2008.

Demi membantu guru dan pelajar juga, kemudahan dan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta *teaching courseware* untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris telah dibekalkan kepada setiap sekolah di seluruh pelusuk negara sejajar dengan perkembangan dan perubahan pendekatan P & P dalam era globalisasi.

Program PPSMI yang telah dilaksanakan mulai tahun 2003 kini berada di Fasa VI, iaitu setelah melebihi lima tahun sejak dilancarkan di sekolah rendah, sekolah menengah harian, sekolah menengah agama, sekolah menengah sains serta sekolah menengah sains sukan. Pihak pengurus institusi pendidikan juga telah diarahkan untuk menilai semula perancangan, pelaksanaan dan keberkesanan pelaksanaan program PPSMI bagi tempoh 2003 – 2005 di institusi masing-masing. Hasil penilaian ini telah dijadikan asas untuk tindakan intervensi dan penambahbaikan bagi memantapkan pelaksanaan bagi tempoh 2006 – 2008.

Akan tetapi, di semua sekolah menengah teknik, program PPSMTI merupakan perkara yang agak baru kerana hanya dilaksanakan mulai tahun 2006. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah menengah teknik terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 sahaja. Implikasi di sini adalah bahawa semua guru-guru Sains dan Matematik, serta guru-guru mata pelajaran teknikal **belum** lagi didedahkan sepenuhnya dengan suasana dan iklim sekolah yang melaksanakan program PPSMI seperti mana di sekolah menengah lain.